

**Sokongan Sosial Rakan Sebaya sebagai Sumber Kesejahteraan Subjektif: Kajian dalam Kalangan Remaja Sekolah Menengah di Yogyakarta, Indonesia**  
*Peers Social Support as a Source of Subjective Well-Being (SWB): A Study on Secondary School Teenagers in Yogyakarta, Indonesia*

Uly Gusniarti\*  
Jas Laile Jaafar  
Fonny D. Hutagalung

*Faculty of Education  
University of Malaya*

\*Corresponding e-mail:[uly.gusniarti@uii.ac.id]

A great number of studies have consistently reported that peer social support escalates subjective well-being. As studies on both aspects are limited in Indonesia, and acknowledging the Eastern culture-specific role the peers bring to the social development of the teenagers, the present study attempts to determine the relationship between peer social support and subjective well-being among secondary school teenagers in Yogyakarta, Indonesia. A total of 267 adolescents (148 girls, 119 boys, grade 7-9) filled out the Indonesian versions of the classmate support subscales from *The Child and Adolescent Social Support Scale* (Malecki, Demaray, & Elliott, 2000) and *The Brief Adolescents Subjective Well-Being in School Scale* (Tian, Wang, & Huebner, 2014). The results revealed that Grade 7 are found to be higher in subjective well-being as compared to Grade 9 teenagers. Peer social support correlated significantly with subjective well-being and no significant gender differences are found. Overall, the results indicate that developmental differences exist but interestingly, the correlation magnitude between peer social support and subjective wellbeing is high. This could probably reflect the stronger social role of peers among collectivistic societies and indeed worth to be examined further.

*Keywords:* peer social support, subjective well-being, adolescence, Indonesia

Ahli-ahli psikologi telah mendapati peranan rakan sebaya penting dalam hampir semua aspek perkembangan remaja terutamanya dari aspek sosialisasi (Savi Çakar & Tagay, 2017; Weston & Parkin, 2017), lebih-lebih lagi ketika menghadapi masalah, remaja memerlukan kasih sayang dan perhatian daripada orang lain untuk meluahkan perasaan. Dalam kajian psikologi, ini dikenali sebagai sokongan sosial yang merupakan pertukaran psikologi dan sumber daya antara dua orang atau lebih, di mana salah satu pihak bertindak sebagai pemberi dan yang lain sebagai penerima untuk meningkatkan kesejahteraan penerima dan untuk memperkuat kapasiti individu dalam mengawal tekanan (Matsuda, Tsuda, Kim, & Deng, 2014). Sehubungan dengan ini,

sudah banyak kajian-kajian lepas yang menemui bahawa ada beberapa sumber sokongan sosial iaitu dari ibu bapa, rakan sebaya, individu lain yang berperanan signifikan terhadap remaja (Matsuda et al., 2014), guru (Mishna et al., 2016) dan juga orang-orang dalam persekitaran sekolah (Rueger, Malecki, & Demaray, 2008).

Apa yang menarik ialah sokongan sosial didapati sangat berpengaruh terhadap pelbagai aspek psikologi manusia dan ini termasuklah kesejahteraan psikologi (Glozah & Pevalin, 2017). Bidang kesejahteraan psikologi secara relatifnya adalah baru apatah lagi dalam ruang penyelidikan di rantau Asia Tenggara. Kajian-kajian mengenai psikologi positif mulai berkembang pesat di rantau ini sejak

sepuluh tahun ini. Setakat hari ini, kajian-kajian mengenai pertumbuhan dan kesejahteraan manusia di Malaysia, Indonesia, Thailand dan negara-negara Asia Tenggara yang lain cukup memberangsangkan. Di antara kajian-kajian yang bercambah adalah mengenai kaitan antara SWB dengan religiositi (Tina & Utami, 2018), latihan kesyukuran (Pamungkas, Astuti, & Yuniasanti, 2022), ketidakamanan pekerjaan (Sulaiman, Kamaludin, Zamani, Khairudin, & Halim, 2020), *secure attachment* (Lucktong, Salisbury, & Chamrathirong, 2018), dan kajian berdasarkan ciri sosiodemografi (Ch'ng, Nor, & Cheong, 2022). Yang paling terkini, Maulana, Obst, dan Khawaja (2018) telah mendapati bahawa kajian mengenai kesejahteraan di populasi non-Barat telah meningkat. Namun begitu, mereka menyatakan bahawa bukti empirikal kajian mengenai kesejahteraan di Indonesia masih lagi terbatas.

Berkaitan dengan sokongan sosial, hubungan antara pembolehubah tersebut dengan kesejahteraan menunjukkan kepelbagaian dalam keputusan terutamanya dalam kekuatan hubungan (Chu, Saucier, & Hafner, 2010). Kajian meta-analisis yang dilakukan oleh Chu et al. (2010) mendapati bahawa hubungkait antara kedua pembolehubah masih tidak jelas. Dapatan kajian menunjukkan terdapat kesan positif namun kecil, peranan sokongan sosial terhadap SWB khasnya dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Perbezaan dapatan kajian lepas tersebut diyakini Chu et al. (2010) dipengaruhi oleh banyak faktor, di antaranya ialah cara melihat kesan rakan sebaya terhadap tingkahlaku remaja, sumber sokongan dan responden kajian yang digunakan.

Ju, Zhang, You, Alterman, dan Li (2018) mendapati sumber sokongan sosial yang bersumber dari keluarga dan rakan sebaya mempunyai hubungan positif dengan SWB. Sementara sokongan sosial yang bersumber dari guru dan rakan sebaya di sekolah juga

mempunyai hubungan dengan SWB (Tian, Tian, & Huebner, 2016). Secara lebih khusus, kajian lepas menunjukkan dapatan yang berbeza pada peranan sumber sokongan sosial terhadap SWB. Begitu juga kajian Gülaçti (2010) dan Matsuda et al. (2014) yang menunjukkan bahawa sokongan dari ibu bapa berhubungkait secara positif dengan SWB sementara sokongan dari rakan sebaya tidak menunjukkan kaitan.

Nampaknya, apa yang penting di sini ialah rata-rata kajian mendapati sumber sokongan yang berbeza-beza memiliki peranan yang berbeza-beza pula ketika dikaitkan dengan SWB. Hartup (1989), seorang tokoh psikologi yang ternama menyatakan bahawa hubungan *vertical* dan *horizontal* interaksi remaja dengan persekitaran memiliki kesan yang berbeza pada kanak-kanak dan remaja. Oleh yang demikian, sokongan sosial yang mereka terima dan alami serta kesannya mungkin berbeza juga (Chu et al., 2010). Apatah lagi Siedlecki, Salthouse, Oishi, dan Jeswani (2014) mendapati bahawa persepsi sokongan sosial yang wujud dalam persekitaran lebih berpengaruh terhadap kepuasan hidup dan SWB golongan orang dewasa, dan bukan terhadap golongan remaja. Berdasarkan kepelbagaian hasil kajian yang diperolehi setakat hari ini, serta kurangnya kajian terhadap golongan remaja, maka adalah amat perlu untuk dikaji dengan lebih lanjut mengenai hubungan antara kedua-dua pembolehubah tadi ke atas golongan awal remaja. Dengan ringkas, persoalannya ialah apakah penemuan yang sama akan ditemui jika hubungan antara kedua pembolehubah diuji ke atas golongan remaja.

Persoalan berikut yang akan dikaji ialah adakah wujud perbezaan sokongan sosial rakan sebaya dan SWB berdasarkan gred dan jantina. Tahap gred di sekolah mencerminkan peringkat perkembangan dan umur. Sebagai contoh, dalam sistem pendidikan formal, pelajar gred rendah

umumnya lebih muda, manakala pelajar gred tinggi secara amnya lebih tua. Oleh itu, aspek peringkat gred secara tidak langsung menggambarkan perkembangan fizikal, kognitif dan sosial responden (*developmental aspects*). Setakat hari ini, hasil kajian mengenai kesan langsung umur terhadap SWB tidak konsisten. Setengah-setengah kajian menunjukkan hubungan positif (Jivraj & Nazroo, 2014; Van Campen, de Boer, & Iedema, 2013), manakala yang lain menunjukkan hubungan yang negatif (Liu et al., 2016), malah ada juga yang mendapati tiada korelasi (Kutek, Turnbull, & Fairweather-Schmidt, 2011). Bahkan yang lebih menarik lagi, Tomás, Gutiérrez, Pastor, dan Sancho (2020) mendapati pelajar yang lebih tua mempunyai SWB yang lebih rendah di sekolah berbanding pelajar yang lebih muda.

Bukan soal faktor umur sahaja, hasil kajian berfokuskan jantina setakat hari ini juga masih belum jelas kerana bercampur-campur (Jivraj & Nazroo, 2014). Tian et al. (2015) menemui bahawa tidak ada perbezaan tahap SWB berdasarkan jantina. Kajian Lamu dan Olsen (2016); Lee dan Browne (2008); serta Tomás, Gutiérrez, Pastor, dan Sancho (2020) mendapati bahawa wanita cenderung lebih puas hati dengan kehidupan daripada lelaki dewasa. Sementara kajian Linna et al. (2013) menunjukkan bahawa wanita melaporkan tahap SWB yang lebih rendah daripada lelaki. Walau bagaimanapun, secara umum ahli-ahli psikologi rata-rata mendapati wanita lebih mudah terdedah kepada tindak balas afektif yang amat mendalam kerana mereka melaporkan emosi negatif dan positif yang lebih besar berbanding lelaki dalam situasi yang sama (Das et al., 2020).

Kajian ini penting untuk dijalankan kerana kesan peranan rakan sebaya sudah banyak ditemui oleh kajian-kajian lepas yang menunjukkan ia berperanan besar dalam mempengaruhi banyak aspek tingkahlaku remaja (Madjar, Walsh, & Harel-Fisch,

2018). Ada beberapa persoalan yang masih memerlukan kajian lanjut terutama kajian ke atas golongan awal remaja yang secara umumnya diabaikan dalam kajian psikologi di rantau ini. Apatah lagi di Indonesia yang merupakan sebuah negara kolektivistik yang mementingkan nilai hubungan baik dan harmoni dengan orang lain (Hofstede, 2001), mementingkan nilai sopan santun, budi bahasa, hormat menghormati dan jaga hati (Rachim & Nashori, 2007). Nilai-nilai tradisional ini dipupuk dalam masyarakat merentasi umur, tidak kira orang dewasa mahupun remaja. Jika nilai-nilai dan kepercayaan tradisional ini turut sama signifikan terhadap dunia psikologi remaja, kajian ini meramal yang ini akan tergambar dalam tingginya sumbangan dan peranan sokongan sosial rakan sebaya terhadap responden kajian. Pengkaji-pengkaji lepas meyakini bahawa remaja di Indonesia berbeza khususnya berkaitan SWB kerana ditentukan oleh persekitaran sosial (Larasati, 2017). Berdasarkan hujah tersebut, kajian ini akan mengupas isu hubungkait antara sokongan sosial rakan sebaya dan SWB, mengkaji sama ada terdapat perbezaan gred dan jantina dalam tahap sokongan sosial rakan sebaya dan SWB dalam kalangan remaja di sekolah menengah Yogyakarta Indonesia.

## Metod

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menganut pendekatan kuantitatif. Reka bentuk yang diaplikasikan dalam kajian ini adalah reka bentuk korelasi (*correlational design*) dengan menggunakan pendekatan kaedah tinjauan melalui soal selidik (Creswell, 2012). Reka bentuk kajian ini bertujuan untuk menyiasat adakah terdapat hubungan di antara dua atau lebih pembolehubah (Kumar, 2010).

### Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini merangkumi pelajar-pelajar sekolah menengah rendah di Sleman, Yogyakarta, Indonesia.

Berdasarkan data daripada Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, jumlah pelajar sekolah menengah rendah bagi tahun akademik 2019/2020 semester ganjil, terdiri daripada 19,699 pelajar lelaki dan 18,731 pelajar perempuan. Jumlah keseluruhan pelajar yang berdaftar adalah 38,430.

Dalam kajian ini, sejumlah 267 orang remaja (148 wanita, 119 lelaki) dari darjah 7 hingga 9 di Sleman, Yogyakarta, Indonesia telah terlibat sebagai sampel. Proses pemilihan sampel dilakukan menggunakan kaedah *convenience sampling* (Creswell, 2012). Surat kebenaran etika penyelidikan dikeluarkan oleh *University of Malaya Research Ethical Committee* (UMREC) dengan nombor rujukan UM.TNC2/UMREC\_1441. Jika responden memerlukan bantuan psikologi selepas mengisi borang soal selidik, mereka dipelawa untuk menghubungi pakar psikologi yang telah ditemu duga.

### **Prosedur Pengumpulan Data**

Selepas memperoleh kebenaran daripada pihak Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, penyelidik meneruskan surat permohonan kepada sekolah yang telah dipilih di Sleman Yogyakarta, Indonesia. Pengetua Sekolah yang memberikan persetujuan akan menunjuk seorang pentadbir atau kaunselor sekolah untuk berkerjasama menjalankan prosedur kajian.

Dengan bantuan kaunselor sekolah atau guru yang ditunjuk, penyelidik memasuki bilik darjah. Responden diberikan taklimat mengenai pengisian soal selidik. Taklimat akan disampaikan dan setelah mendapat persetujuan dari bapa ibu, responden boleh melanjutkan untuk mengisi borang selidik. Responden akan diberikan soal selidik untuk diisi secara manual pada kertas kerja.

Kepada pelajar responden akan dijelaskan bahawa tiada jawapan yang salah dan jawapan mereka akan dijamin

kerahsiaannya kerana identiti responden tidak akan dinyatakan. Tambahan pula, penyelidik akan memberikan penjelasan mengenai matlamat kajian dan risiko-risiko yang berkaitan dengan penyertaan responden dalam kajian. Responden juga diinformasikan bahawa jika mereka bersetuju untuk turut serta dalam kajian secara sukarela, data yang diperoleh akan digunakan hanya untuk tujuan kajian dan akan disimpan secara anonim dan sulit. Responden juga diingatkan bahawa penyelidik akan mengelakkan daripada mendedahkan maklumat peribadi yang mungkin boleh mengenal pasti identiti responden.

Responden diminta untuk membaca setiap pernyataan dalam soal selidik dan menilai sejauh mana mereka kerap menerima sokongan daripada rakan sebaya tersebut. Skala penilaian mempunyai 6 peringkat, bermula dari 1 (tidak pernah) hingga 6 (selalu). Sebelum mengisi bahagian skala penilaian sokongan rakan sebaya, responden diminta mengisi maklumat demografi terlebih dahulu.

Responden juga diminta memberikan maklumat berkenaan umur, tahap kelas, jantina, nama sekolah, etnik, dan tarikh pengisian soal selidik. Semasa proses pengumpulan data, responden akan menyelesaikan soal selidik berkaitan dengan sokongan rakan sebaya dan SWB.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen sokongan sosial rakan sebaya diadaptasi daripada soal selidik *Child and Adolescent Social Support Scale* (CASSS, Malecki, Demaray, dan Elliott, 2000). Soal selidik ini telah banyak digunakan sebelum ini dan mempunyai pekali alpha Cronbach 0.94 dan *test-retest reliability*  $r = 0.60 - 0.76$  (Malecki & Demaray, 2002). Hasil kesahan kandungan soal selidik ini diperoleh melalui kajian rintis dengan skor  $S-CVI/Ave = 0.96$  dan  $S-CVI/UA = 0.92$ . Kesahan konkuren diukur dengan

menghubungkan skor soal selidik ini dengan item yang mengukur sokongan sahabat dalam *Multidimensional Scale of Perceived Social Support* (MSPSS) oleh Zimet et. al. (1988), menunjukkan pekali korelasi  $r = 0.514$  ( $N = 191$ ). Selain itu, pekali *Alpha Cronbach* 0.939. Korelasi skor item dengan skor total adalah 0.615 - 0.803.

Sementara itu, SWB diukur menggunakan *Brief Adolescents' Subjective Well-Being in School Scale* (BASWBSS) yang telah diadaptasi dari kajian Tian et al. (2014). Kesahan konvergen BASWBSS diuji dengan membandingkan skornya dengan soal selidik *Stirling Children's Well-being Scale* (SCWBS) yang dikembangkan oleh Liddle dan Carter (2015). Kebolehpercayaan dalaman skala ini diperoleh dengan pekali *Alpha Cronbach* = 0.823 dan tahap kedua dengan *Alpha Cronbach* = 0.847. Korelasi BASWBSS dengan *Self-Esteem* daripada Dubois ialah 0.694. Kesahan eksternal diukur menggunakan kaedah *test-retest* dengan  $r = 0.752$  (Liddle & Carter, 2015). Hasil kajian rintis menunjukkan kesahan konvergen diperoleh korelasi skor BASWBSS dan SCWBS 0.471. Selain itu, pekali *alpha Cronbach* adalah 0.858 dan korelasi skor item dengan total domain kognitif kepuasan di sekolah 0.475 – 0.742. Kesahan kandungan soal selidik SWB diperoleh dengan skor S-CVI/Ave = 1.00 dan S-CVI/UA = 1.00.

Proses penterjemahan soal selidik ini telah dijalankan menggunakan kaedah *back translation* seperti yang dicadangkan oleh Brislin (1970). Proses penterjemahan ini dilaksanakan oleh pensyarah yang mempunyai latar belakang Pendidikan Bahasa dan Sastra Inggeris, serta memiliki pengalaman lebih daripada sepuluh tahun dalam bidang ini. Hasil penterjemahan

telah dinilai oleh pensyarah dalam bidang psikologi yang juga memiliki penguasaan dalam Bahasa Inggeris untuk memastikan kesahan rumusan akhir.

### Analisis Data Kajian

Analisis telah dijalankan menggunakan perisian komputer JAMOVI, versi 1.6.23. Data primer yang diperoleh daripada remaja di sekolah merupakan sumber utama bagi menganalisis hubungan antara pembolehubah yang dikaji.

Kaedah statistik yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif digunakan untuk merinci maklumat berkaitan kriteria pelbagai pembolehubah yang diperlukan dalam mengukur tahap setiap pembolehubah. Data demografi, seperti latar belakang responden dan jantina, turut diambil kira dalam analisis data. Statistik deskriptif digunakan untuk mengenal pasti purata dan sisihan piawai. Bagi analisis inferens, ia digunakan untuk menguji hubungan antara pembolehubah dalam kajian ini.

### Keputusan

Berdasarkan analisis deskriptif (Jadual 1), data kajian ini menunjukkan penyebaran normal dan memungkinkan untuk menjalankan analisis korelasi Pearson. Hasil ujian korelasi menggambarkan adanya korelasi positif yang sangat signifikan antara skor sokongan sosial rakan sebaya dan SWB ( $r = 0.446$ ;  $p < 0.001$ ).

Jadual 1

Statistik deskriptif dan korelasi antara pembolehubah

Pembolehubah	Min	Sisihan Piawai	1	2
1. Sokongan Sosial Rakan Sebaya	43.6	12.4	-	0.446
2. SWB	5.59	2.46		p < 0.001

\* p < .05, \*\* p < .01, \*\*\* p < .001

Hasil ujian t-test (Jadual 2) mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan purata

sokongan sosial rakan sebaya dan SWB berdasarkan jantina.

Jadual 2

Statistik independent samples t-test mengikut jantina

Pembolehubah	Jumlah	Min	Sisihan Piawai	t
Sokongan Sosial Lelaki	119	42.21	12.88	1.65
Rakan Sebaya Perempuan	148	44.72	12.01	(p = 0.101)
SWB Lelaki	119	5.26	2.53	1.97
SWB Perempuan	148	5.85	2.38	(p = 0.050)

Hasil ujian *One-Way Analysis of Variance* mendapati tidak terdapat perbezaan purata sokongan sosial rakan sebaya berdasarkan darjah. Sementara purata SWB menunjukkan ada perbezaan secara

signifikan berdasarkan darjah. Purata skor SWB dalam darjah 9 lebih rendah berbanding purata SWB darjah 8 dan 7 (Jadual 3).

Jadual 3

Min, sisihan piawai, dan one-way analysis of variance mengikut darjah

Pembolehubah	Darjah	Jumlah	Min	Sisihan Piawai	F
Sokongan Sosial Rakan Sebaya	7	71	44.44	12.79	1.10 (p = 0.336)
	8	59	45.03	10.88	
	9	137	42.55	12.87	
SWB	7	71	6.34	2.55	5.68 (p = 0.004)
	8	59	5.77	2.00	
	9	137	5.12	2.50	

**Perbincangan**

Hasil kajian-kajian lepas setakat hari ini bersifat tidak konsisten dan sering berubah-

ubah terutamanya dalam soal kekuatan hubungan antara sokongan sosial dan SWB (Chu et al., 2010; Liu, Zhao, Tian, Zou, & Li, 2015). Tambahan pula, Gülaçti (2010)

menemukan bahawa sokongan sosial dari rakan sebaya tidak mempunyai kaitan dengan SWB. Bertitik tolak dari persoalan ini, kajian ini telah dilakukan ke atas golongan remaja awal di Yogyakarta. Keputusan kajian ini ternyata sangat menarik kerana keputusan kajian telah menunjukkan terdapat hubungan yang kukuh di antara sokongan sosial rakan sebaya dan tahap SWB remaja.

Ada beberapa possibiliti yang dapat menjelaskan kekuatan hubungan di antara sokongan rakan sebaya dengan SWB. Salah satunya ialah sumber sokongan sosial. Ada banyak sumber sokongan sosial dalam hidup individu, dari ibu bapa, guru, dan rakan sebaya. Seperti yang telah disebut di awal, sokongan sosial yang diperolehi dari orang-orang yang signifikan dalam hidup individu dianggap sebagai pembolehubah yang mempengaruhi perasaan individu (Gülaçti, 2010). Sehubungan dengan ini juga, Diener dan Seligman (2002), dua orang psikologis ternama dalam bidang psikologi positif, mengatakan kualiti hubungan sosial yang baik akan menjadi peramal kepada SWB.

Bercakap mengenai responden kajian ini, apa yang dapat menjelaskan hubungan kuat tadi ialah mereka ternyata memperoleh sokongan emosi, perhatian dan diperlakukan dengan baik oleh rakan sebaya sehinggakan membawa kesan positif kepada aspek afektif mereka. Rasa baik (*feeling good*) dan positif inilah yang membawa kesan yang positif terhadap SWB. Fredrickson (2004) dalam teorinya iaitu *Broaden-and-Build Theory of Positive Emotion* menyatakan bahawa emosi yang positif ada nilai kelangsungan hidup (*survival*) dan lama kelamaan emosi positif ini akan meningkatkan kesejahteraan positif. Lebih spesifik lagi Fredrickson (2004) mengatakan emosi-emosi positif akan meningkatkan kesedaran diri seseorang dan menggalakkan individu berkenaan meneroka fikiran-fikiran dan langkah-langkah yang dirasakan perlu

untuk membina kemahiran-kemahiran dan sumber-sumber psikologi yang bermanfaat. Titik akhir dari proses inilah yang meningkatkan kesejahteraan psikologi. Barangkali inilah yang berlaku dalam kalangan responden kajian ini. Apatah lagi remaja yang hidup dalam konteks budaya kolektivistik Indonesia yang menekankan soal kebijakan kelompok (sila lihat contohnya, Hermawan & Loo, 2019). Remaja bersama rakan sebaya sama-sama saling mengambil berat dan memberi sokongan dalam kehidupan. Ini telah lama ditemui oleh ahli-ahli psikologi Asia di mana peranan rakan sebaya malah diibaratkan seperti ahli keluarga yang sama-sama bergandeng bahu di sekolah (Chen & French, 2008; French, Rianasari, Pidada, Nelwan, & Buhrmester, 2001).

Ini semua ditunjukkan dalam kajian ini. Sokongan sosial rakan sebaya yang diukur dalam kajian ini mempunyai empat aspek iaitu sokongan emosi, maklumat, instrumental, dan penghargaan. Haslam, O'Brien, Jetten, Vormedal, dan Penna (2005) mendapati bahawa rakan sebaya berperanan dari segi menawarkan maklumat yang kemudiannya memberi kesan yang sangat positif dalam mengurangkan tekanan remaja. Dengan kata-kata lain, remaja yang memperoleh maklumat yang berupa idea dan nasihat daripada rakan sebaya khususnya di kelas, akan meningkatkan pemahaman dan memberi tafsiran baharu mengenai apa yang tidak difahami, atau apabila remaja tidak tahu harus berbuat apa di sekolah. Ini telah dipersetujui juga oleh Bettencourt dan Sheldon (2001) yang mendapati bentuk sokongan ini lama-kelamaan akan membuatkan remaja berasa mempunyai kecekapan-kendiri. Akhirnya proses ini memberi keyakinan kepada remaja yang ia memiliki kecekapan dan kemahiran dan ini sudah tentulah membawa kesan positif kepada tahap SWB.

Sokongan penghargaan dari rakan sebaya seperti pujian dan perhatian atas usaha dan

kerja kerasnya akan memberikan kesan positif bagi remaja. Peneguhan positif dari rakan sebaya akan mempengaruhi perubahan dalam emosi positif remaja yang kemudiannya akan meningkatkan kesejahteraan sosial remaja (Amiot, Terry, Wirawan, & Grice, 2010). Begitu juga sokongan instrumental berupa pemberian bantuan nyata dan peluang untuk terlibat dalam aktiviti bersama rakan satu kelas merupakan sokongan yang paling kuat dirasakan oleh remaja (Malecki & Demaray, 2003). Hubungan dengan rakan sebaya juga dapat menjadi sumber bagi aspek pemenuhan keperluan psikologi, persahabatan, dan peningkatan nilai diri serta bantuan instrumental (Erdley, Nangle, Newman, & Carpenter, 2001). Oleh itu, adanya sokongan daripada rakan sekelas boleh menentukan sama ada pelajar bahagia atau tidak di sekolah (Liu et al., 2015).

Keputusan kajian ini kelihatan seperti tidak ada yang baru, ia selaras dengan penemuan-penemuan yang lalu yang mendapati sokongan sosial, dalam kes ini sokongan rakan sebaya, menyumbang secara positif terhadap beberapa aspek perkembangan, dalam kes ini, SWB. Walau bagaimanapun, perlu disebut di sini bahawa dalam konteks Indonesia, keputusan kajian ini menyumbang dari segi memberi nafas baru dalam kajian sokongan sosial (yang sebelum ini terlalu tertumpu kepada sokongan ibu bapa dan guru) terutamanya sokongan rakan sebaya dan peranannya terhadap SWB. Rata-rata kajian mengenai SWB di Indonesia tertumpu kepada korelasi antara pembolehubah tersebut dengan tekanan (Octaviani, Herawati, & Tyas, 2018) dan keagamaan (Tina & Utami, 2018). Jadi kajian ini telah mengemukakan satu dapatan baru mengenai hubungan kait antara sokongan rakan sebaya dengan SWB remaja sekolah di Indonesia.

Apabila dianalisis secara lebih mendalam, ada beberapa kemungkinan kenapa keputusan kajian ini mendapati ada

hubungan signifikan antara sokongan sosial rakan sebaya dengan SWB. Kajian ini dijalankan ke atas golongan remaja awal. Semasa zaman awal remaja, rakan sebaya memainkan peranan yang sangat menonjol (Steinberg & Morris, 2001). Apatah lagi sebahagian besar waktu remaja dihabiskan di sekolah dan pengalaman berinteraksi dengan rakan-rakan ini akan menguatkan persahabatan dengan rakan sebaya dan seterusnya menyumbang kepada tingkah laku dan perkembangan remaja baik positif mahupun negatif (Shin, 2017). Di Indonesia, secara umumnya remaja menghabiskan masa selama lebih kurang 8 hingga 9 jam sehari di sekolah. Jumlah masa yang panjang dihabiskan bersama rakan sebaya ini sudah tentulah besar pengaruhnya kepada psikologi remaja.

Selanjutnya, faktor budaya kolektivistik diperkirakan berupaya memberikan pengaruh terhadap kuatnya hubungan peranan faktor persekitaran, khasnya sokongan rakan sebaya kepada peningkatan SWB remaja di sekolah. Kajian ini menggunakan remaja yang semuanya berasal dan dibesarkan dalam lingkungan budaya Jawa yang menurut Mulder (1996) merupakan salah satu suku yang paling konsisten menerapkan kolektivisme di Indonesia (French, Jansen, & Pidada, 2002). Kang et al. (2003) serta Lu dan Gilmour (2004) mendapati budaya sangat berperanan dalam menentukan SWB. Individu yang berasal dari budaya yang mengamalkan nilai kolektivistik yang tinggi didapati lebih mengutamakan kumpulan dan sokongan sosial menjadi pembolehubah yang memberi pengaruh yang kuat terhadap SWB (Diener, 2000).

Dapatan ini seiring juga dengan dapatan-dapatan kajian di Asia, misalnya Uchida, Kitayama, Mesquita, Reyes, dan Morling (2008) yang mendapati dalam kalangan mahasiswa universiti dan golongan dewasa, sumber kebahagiaan dan SWB datang dari persekitaran sosial. Oleh itu, keputusan kajian ini selari dengan dapatan-dapatan



sebelum ini dan yang lebih menariknya, penemuan bahawa sokongan sosial rakan sebaya berupaya membawa kesan positif kepada SWB remaja telah ditemui juga dalam kelompok remaja awal dalam masyarakat kolektivistik Indonesia. Kajian-kajian sebelum ini kebanyakan dijalankan ke atas individu-individu dengan keperluan khusus dengan jumlah yang terbatas (Larasati, 2017) serta kajian yang mengkaji responden remaja akhir atau awal dewasa (Gülaçti, 2010).

Kajian ini membuktikan bahawa kehadiran rakan sebaya dalam persekitaran sekolah memainkan peranan yang signifikan dalam perkembangan remaja, khususnya dalam konteks SWB di sekolah. Hasil kajian ini memberi justifikasi kepada pihak sekolah untuk mempertimbangkan peranan penting rakan sebaya dalam memperkukuh suasana positif remaja di lingkungan sekolah. Berbanding dengan kajian terdahulu di China (Liu et al., 2015; Tian et al., 2016) yang menemukan bahawa sokongan dari guru dianggap lebih utama dan mempunyai korelasi yang lebih ketara berhubung dengan rakan sebaya. Kehadiran guru dan rakan sebaya di sekolah menjadi dua sumber utama sokongan sosial yang memiliki kepentingan yang amat tinggi dalam kehidupan pelajar di persekitaran sekolah.

Lahey dan Cohen (2000) menyatakan dalam Teori Perspektif Hubungan, sokongan sosial berhubungan dengan kesihatan mental. Sudah banyak kajian-kajian yang mendapati bahawa jaringan sokongan sosial membawa banyak manfaat kesihatan mental (Kafetsios & Sideridis, 2006; Lahey & Orehek, 2011). Sokongan sosial juga adalah hasil dari keterlibatan dan mobilisasi seseorang individu yang efektif dengan jaringan sosialnya. Dalam kes ini, jaringan rakan sebaya. Salah satu manfaat jaringan rakan sebaya ialah ia meningkatkan keupayaan individu untuk berdaya tindak (*cope*) dengan situasi yang menekan. Lahey dan Cohen (2000)

mengatakan inilah yang kemudiannya membawa kepada kesihatan mental yang baik.

Selanjutnya, kajian ini mendapati tidak ada perbezaan purata pembolehubah sokongan sosial rakan sebaya dan SWB berdasarkan jantina. Berdasarkan darjah di sekolah, kajian ini juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan purata sokongan sosial rakan sebaya. Namun, didapati ada perbezaan purata SWB responden darjah atas (menengah atas) dan darjah rendah (menengah rendah). Berikut adalah penjelasannya.

Kajian lepas mendapati bahawa jantina yang memiliki peranan dalam interaksi sosial berkaitan sokongan menunjukkan hasil yang tidak muktamad (Matud, Ibáñez, Bethencourt, Marrero, & Carballeira, 2003). Kajian ini selari dengan dapatan kajian lepas bahawa purata skor sokongan dalam kalangan wanita lebih tinggi daripada lelaki namun secara statistik tidak terbukti signifikan perbezaannya (Hameed, Riaz, & Muhammad, 2018; Osman, Lamis, Freedenthal, Gutierrez, & McNaughton-Cassill, 2014). Berbeza dengan Rueger, Malecki dan Demaray (2008) yang melakukan analisis yang mengkaji perbezaan jantina dalam tahap purata sokongan mendedahkan bahawa perempuan merasakan lebih banyak menerima sokongan daripada lelaki yang bersumber dari rakan sekelas dan kawan rapat. Perkara ini tidak menghairankan kerana perempuan memiliki kecenderungan lebih menghargai hubungan yang lebih mesra dengan orang lain serta melaburkan lebih banyak masa dan usaha dalam hubungan sosial berbanding lelaki (Liu, Mei, Tian, & Huebner, 2015). Walau bagaimanapun, secara statistik hipotesis kajian ini tidak terbukti. Kedua-dua remaja lelaki mahupun perempuan sama-sama memerlukan sokongan daripada rakan sebaya.

Berkaitan dengan darjah di sekolah, kajian ini mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan purata sokongan sosial rakan sebaya berdasarkan darjah. Remaja cenderung mengembangkan lebih banyak aktiviti berasaskan rakan sebaya (Keresztes, Piko, Pluhar, & Page, 2008). Remaja lebih mengembangkan kemahiran sosial dalam kumpulan (Manning, 2002). Selain itu, Liu, Mei, Tian, dan Huebner (2015) juga mendapati bahawa sokongan daripada rakan sekelas dalam kalangan remaja sekolah menengah adalah lebih kuat berbanding pelajar di sekolah rendah dan sekolah menengah atas. Oleh itu, bentuk sokongan sosial daripada rakan mestilah perlu bahagi remaja tanpa mengira kepada tahap darjah di sekolah.

Kajian ini mendapati bahawa purata SWB remaja lelaki dan perempuan tidak berbeza secara statistik walaupun purata skor SWB perempuan lebih tinggi daripada lelaki. Hasil kajian berfokuskan jantina dan SWB setakat hari ini masih bercampur-campur dan samar-samar (Markus, Rieser, & Schwab, 2022). Dapatan kajian ini berbeza dengan kajian Tomás et al. (2020) yang mendapati wanita cenderung lebih berpuas hati dengan kehidupan berbanding lelaki dalam responden dewasa serta dalam kalangan remaja sekolah menengah rendah di China (Liu, Mei, Tian, & Huebner, 2015). Manakala kajian Linna et al. (2013) mendapati wanita melaporkan tahap SWB yang lebih rendah berbanding lelaki. Begitu juga dengan kajian Glozah (2013) yang mana responden wanita mengalami lebih banyak kemurungan berbanding lelaki. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa kajian lepas juga mendapati bahawa tahap SWB tidak ditentukan oleh perbezaan jantina. Kajian lepas yang selari dengan kajian ini iaitu kajian daripada Tian et al. (2015) mendapati tidak terdapat perbezaan tahap SWB berdasarkan jantina.

Selanjutnya, kajian ini mendapati perbezaan tahap SWB dalam kalangan remaja yang berada dalam gred tinggi

(darjah 9) berbanding rendah (darjah 7 dan 8). Lampropoulou (2018) mendapati bahawa pelajar yang lebih senior melaporkan tahap SWB yang lebih rendah di sekolah berbanding pelajar yang lebih muda. Seperti pelajar sekolah menengah di China, pelajar sekolah di Indonesia juga perlu menghadapi dan menjalani ujian tamat pengajian dari sekolah menengah rendah untuk memasuki sekolah menengah tinggi yang diharapkan. Tambahan pula, remaja dalam gred yang lebih tinggi dijangka lebih terdedah kepada tekanan dan mungkin menghadapi tuntutan akademik yang lebih tinggi daripada remaja yang berada di gred rendah. Banyak aktiviti dijalankan untuk persediaan menghadapi ujian peringkat akhir di tahap sekolah menengah rendah. Mereka juga diharapkan dapat menamatkan pengajian dengan markah yang memuaskan dan memenuhi jangkaan sekolah, apatah lagi jika ingin menyambung pelajaran di sekolah yang mempunyai syarat markah ujian akhir yang tinggi. Perkara ini memainkan peranan yang luar biasa dalam menentukan kehidupan masa depan mereka.

### **Kesimpulan**

Sebagai rangkuman, kajian ini telah mengesahkan keberkesanan sokongan rakan sebaya terhadap SWB remaja. Hasil ini selaras dengan jangkaan, terutamanya dalam konteks masyarakat Timur yang mementingkan nilai-nilai kolektivistik dan hubungan yang erat dalam kalangan ahli kelompok. Dalam perspektif teori Diener (2000) dan Lakey dan Cohen (2000) pula, memang telah banyak ditemui sebelum ini bagaimana sokongan sosial, dalam kes ini sokongan rakan sebaya berupaya mempengaruhi SWB secara positif. Jadi kajian ini adalah salah satu kajian baru yang telah mengesahkan lagi hubungkait antara sokongan sosial dengan SWB, kali ini dengan mengambil kira konteks budaya Jawa. Temuan kajian ini juga ternyata dapat menjadi saran bagi pengkaji lain

untuk melakukan kajian lanjutan dan pihak sekolah untuk membuat polisi yang sesuai.

### Pengakuan

Kajian ini adalah sebahagian dari penyelidikan bagi memenuhi syarat Ijazah Doktor Falsafah (penulis 1) dari Universiti Malaya dengan penyelia, penulis kedua dan ketiga.

### Rujukan

- Amiot, C. E., Terry, D. J., Wirawan, D., & Grice, T. A. (2010). Changes in social identities over time: The role of coping and adaptation processes. *British Journal of Social Psychology, 49*(4), 803–826. <https://doi.org/10.1348/014466609X480624>
- Bettencourt, B. A., & Sheldon, K. (2001). Social roles as mechanism for psychological need satisfaction within social groups. *Journal of Personality and Social Psychology, 81*(6), 1131–1143. <https://doi.org/10.1037/0022-3514.81.6.1131>
- Brislin, R. W. (1970). Back translation for cross-cultural research. *Journal of Cross-Cultural Psychology, 1*(3), 185–216.
- Ch'ng, B., Nor, M. M., & Cheong, L. S. (2022). Psychological flourishing of postgraduate students in Klang Valley, Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia, 36*(1), 163–179.
- Chen, X., & French, D. C. (2008). Children's social competence in cultural context. *Annual Review of Psychology, 59*(1), 591–616. <https://doi.org/10.1146/annurev.psych.59.103006.093606>
- Chu, P. Sen, Saucier, D. A., & Hafner, E. (2010). Meta-analysis of the relationships between social support and well-being in children and adolescents. *Journal of Social and Clinical Psychology, 29*(6), 624–645. <https://doi.org/10.1521/jscp.2010.29.6.624>
- Creswell, J. W. (2012). *Educational research. Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. (P. A. Smith, Ed.) (Fourth). Boston: Pearson.
- Das, K. V., Jones-Harrell, C., Fan, Y., Ramaswami, A., Orlove, B., & Botchwey, N. (2020). Understanding subjective well-being: perspectives from psychology and public health. *Public Health Reviews, 41*(1), 1–32. <https://doi.org/10.1186/s40985-020-00142-5>
- Diener, E. (2000). Subjective well-being: The science of happiness and a proposal for a national index. *American Psychologist, 55*(1), 34–43. <https://doi.org/10.1037/0003-066X.55.1.34>
- Diener, E., & Seligman, M. E. P. (2002). Very happy people. *Psychological Science, 13*(1), 81–84. <https://doi.org/10.1111/1467-9280.00415>
- Erdley, C. A., Nangle, D. W., Newman, J. E., & Carpenter, E. M. (2001). Children's friendship experiences and psychological adjustment: Theory and research. *New Directions for Child and Adolescent Development, 91*, 5–24. <https://doi.org/10.1002/cd.3>
- Fredrickson, B. L. (2004). The broaden-and-build theory of positive emotions. *Philosophical Transactions of the Royal Society B: Biological Sciences, 359*(1449), 1367–1377. <https://doi.org/10.1098/rstb.2004.1512>
- French, D. C., Jansen, E. A., & Pidada, S. (2002). United States and Indonesian children's and adolescents' reports of relational aggression by disliked peers. *Child Development, 73*(4),

- 1143–1150.
- French, D. C., Rianasari, M., Pidada, S., Nelwan, P., & Buhrmester, D. (2001). Social support of Indonesian and U.S. children and adolescents by family members and friends. *Merrill-Palmer Quarterly*, 47(3), 377–394.
- Glozah, F. N. (2013). Effects of academic stress and perceived social support on the psychological wellbeing of adolescents in Ghana. *Open Journal of Medical Psychology*, 02(04), 143–150.  
<https://doi.org/10.4236/ojmp.2013.24022>
- Glozah, F. N., & Pevalin, D. J. (2017). Psychometric properties of the perceived social support from family and friends scale: Data from an adolescent sample in Ghana. *Journal of Child and Family Studies*, 26(1), 88–100.  
<https://doi.org/10.1007/s10826-016-0535-1>
- Gülaçti, F. (2010). The effect of perceived social support on subjective well-being. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 2(2), 3844–3849.  
<https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2010.03.602>
- Hameed, R., Riaz, A., & Muhammad, A. (2018). Relationship of gender differences with social support, emotional behavioral problems and self-esteem in adolescents. *Journal of Psychiatry and Behavioral Sciences*, 2(1), 1019. Retrieved from <https://meddocsonline.org/journal-of-psychiatry-and-behavioral-sciences/relationship-of-gender-differences-with-social-support-emotional-behavioral-problems-and-self-esteem-in-adolescents.pdf>
- Hartup, W. W. (1989). Social relationships and their developmental significance. *American Psychologist*, 44(2), 120–126. <https://doi.org/10.1037/0003-066X.44.2.120>
- Haslam, S. A., O'Brien, A., Jetten, J., Vormedal, K., & Penna, S. (2005). Taking the strain: Social identity, social support, and the experience of stress. *British Journal of Social Psychology*, 44(3), 355–370.  
<https://doi.org/10.1348/014466605X37468>
- Hermawan, M. S., & Loo, M. K. (2019). The construction of kekeluargaan as an Indonesia's organizational culture. *Jurnal Humaniora*, 31(1), 1.  
<https://doi.org/10.22146/jh.v31i1.42851>
- Hofstede, G. (2001). *Culture's Consequences. Comparing Values, Behaviors, Institutions, and Organizations Across* (Second). California: SAGE Publications, Inc.
- Jivraj, S., & Nazroo, J. (2014). Determinants of socioeconomic inequalities in subjective well-being in later life: a cross-country comparison in England and the USA. *Quality of Life Research*, 23(9), 2545–2558.  
<https://doi.org/10.1007/s11136-014-0694-8>
- Ju, C., Zhang, B., You, X., Alterman, V., & Li, Y. (2018). Religiousness, social support and subjective well-being: An exploratory study among adolescents in an Asian atheist country. *International Journal of Psychology*, 53(2), 97–106.  
<https://doi.org/10.1002/ijop.12270>
- Kafetsios, K., & Sideridis, G. D. (2006). Attachment, social support and well-being in young and older adults. *Journal of Health Psychology*, 11(6), 863–875.  
<https://doi.org/10.1177/1359105306069084>
- Kang, S. M., Shaver, P. R., Sue, S., Min, K. H., & Jing, H. (2003). Culture-

- specific patterns in the prediction of life satisfaction: Roles of emotion, relationship quality, and self-esteem. *Personality and Social Psychology Bulletin*, 29(12), 1596–1608. <https://doi.org/10.1177/0146167203255986>
- Keresztes, N., Piko, B. F., Pluhar, Z. F., & Page, R. M. (2008). Social influences in sports activity among adolescents. *Journal of The Royal Society for the Promotion of Health*, 128(1), 21–25. <https://doi.org/10.1177/1466424007085228>
- Kumar, R. (2010). *Research Methodology A Step-by-Step Guide for Beginners*. SAGE Publications Ltd.
- Kutek, S. M., Turnbull, D., & Fairweather-Schmidt, A. K. (2011). Rural men's subjective well-being and the role of social support and sense of community: Evidence for the potential benefit of enhancing informal networks. *Australian Journal of Rural Health*, 19(1), 20–26. <https://doi.org/10.1111/j.1440-1584.2010.01172.x>
- Lakey, B., & Cohen, S. (2000). Social support theory and measurement. In S. Cohen, L. G. Underwood, & B. H. Gottlieb (Eds.), *Social Support Measurement and Intervention. A Guide for Health and Social Scientists* (pp. 29–52). New York: Oxford University Press.
- Lakey, B., & Orehek, E. (2011). Relational regulation theory: A new approach to explain the link between perceived social support and mental health. *Psychological Review*, 118(3), 482–495. <https://doi.org/10.1037/a0023477>
- Lampropoulou, A. (2018). Personality, school, and family: What is their role in adolescents' subjective well-being. *Journal of Adolescence*, 67(May), 12–21. <https://doi.org/10.1016/j.adolescence.2018.05.013>
- Lamu, A. N., & Olsen, J. A. (2016). The relative importance of health, income and social relations for subjective well-being: An integrative analysis. *Social Science and Medicine*, 152, 176–185. <https://doi.org/10.1016/j.socscimed.2016.01.046>
- Larasati, I. (2017). *Hubungan antara dukungan sosial dan optimisme dengan subjective well-being pada remaja tuna daksa di BBRSD Prof. Dr. Soeharso Surakarta*. Universitas Sebelas Maret.
- Lee, A., & Browne, M. O. (2008). Subjective well-being, sociodemographic factors, mental and physical health of rural residents. *Australian Journal of Rural Health*, 16(5), 290–296. <https://doi.org/10.1111/j.1440-1584.2008.00986.x>
- Liddle, I., & Carter, G. F. A. (2015). Emotional and psychological well-being in children: the development and validation of the Stirling Children's Well-being Scale. *Educational Psychology in Practice*, 31(2), 174–185. <https://doi.org/10.1080/02667363.2015.1008409>
- Linna, M. S., Kaprio, J., Raevuori, A., Sihvola, E., Keski-Rahkonen, A., & Rissanen, A. (2013). Body mass index and subjective well-being in young adults: A twin population study. *BMC Public Health*, 13(1), 1. <https://doi.org/10.1186/1471-2458-13-231>
- Liu, C., Zhao, Y., Tian, X., Zou, G., & Li, P. (2015). Negative life events and school adjustment among Chinese nursing students: The mediating role of psychological capital. *Nurse Education Today*, 35(6), 754–759.

- <https://doi.org/10.1016/j.nedt.2015.02.002>
- Liu, W., Mei, J., Tian, L., & Huebner, E. S. (2015). Age and gender differences in the relation between school-related social support and subjective well-being in school among students. *Social Indicators Research*, 125(3), 1065–1083. <https://doi.org/10.1007/s11205-015-0873-1>
- Liu, Z., Wu, D., Huang, J., Qian, D., Chen, F., Xu, J., ... Wang, X. (2016). Visual impairment, but not hearing impairment, is independently associated with lower subjective well-being among individuals over 95 years of age: A population-based study. *Archives of Gerontology and Geriatrics*, 62, 30–35. <https://doi.org/10.1016/j.archger.2015.10.011>
- Lu, L., & Gilmour, R. (2004). Culture and conceptions of happiness: individual oriented and social oriented SWB. *Journal of Happiness Studies*, 5(3), 269–291. <https://doi.org/10.1007/s10902-004-8789-5>
- Lucktong, A., Salisbury, T. T., & Chamrathirong, A. (2018). The impact of parental, peer and school attachment on the psychological well-being of early adolescents in Thailand. *International Journal of Adolescence and Youth*, 23(2), 235–249. <https://doi.org/10.1080/02673843.2017.1330698>
- Madjar, N., Walsh, S. D., & Harel-Fisch, Y. (2018). Suicidal ideation and behaviors within the school context: Perceived teacher, peer and parental support. *Psychiatry Research*, 269, 185–190. <https://doi.org/10.1016/j.psychres.2018.08.045>
- Malecki, C. K., & Demaray, M. K. (2002). Measuring perceived social support: Development of the Child and Adolescent Social Support Scale (CASSS). *Psychology in the Schools*, 39(1), 1–18. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.1002/pits.10004>
- Malecki, C. K., & Demaray, M. K. (2003). What type of support do they need? Investigating student adjustment as related to emotional, informational, appraisal, and instrumental support. *School Psychology Quarterly*, 18(3), 231–252. <https://doi.org/10.1521/scpq.18.3.231.22576>
- Manning, M. L. (2002). Havighurst's developmental tasks, young adolescents, and diversity. *The Clearing House*, 76(2), 75–78. Retrieved from <https://www.jstor.org/stable/30189796>
- Markus, S., Rieser, S., & Schwab, S. (2022). The gender-specific role of social relationships for school well-being in primary school: Do peers and teachers matter differently? *Zeitschrift Fur Psychologie / Journal of Psychology*, 230(3), 215–228. <https://doi.org/10.1027/2151-2604/a000500>
- Matsuda, T., Tsuda, A., Kim, E., & Deng, K. (2014). Association between perceived social support and subjective well-being among Japanese, Chinese, and Korean college students. *Psychology*, 5(April), 491–499. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.4236/psych.2014.56059>
- Matud, M. P., Ibáñez, I., Bethencourt, J. M., Marrero, R., & Carballeira, M. (2003). Structural gender differences in perceived social support. *Personality and Individual Differences*, 35(8), 1919–1929.

- [https://doi.org/10.1016/S0191-8869\(03\)00041-2](https://doi.org/10.1016/S0191-8869(03)00041-2)
- Maulana, H., Obst, P., & Khawaja, N. (2018). Indonesian perspective of wellbeing: A qualitative study. *The Qualitative Report*, 23(12), 3136.
- Mishna, F., Khoury-Kassabri, M., Schwan, K., Wiener, J., Craig, W., Beran, T., ... Daciuk, J. (2016). The contribution of social support to children and adolescents' self-perception: the mediating role of bullying victimization. *Children and Youth Services Review*, 63, 120–127. <https://doi.org/10.1016/j.chilyouth.2016.02.013>
- Octaviani, M., Herawati, T., & Tyas, F. P. S. (2018). Stres, strategi coping dan kesejahteraan subjektif pada keluarga orang tua tunggal. *Jurnal Ilmu Keluarga Dan Konsumen*, 11(3), 169–180. <https://doi.org/10.24156/jikk.2018.11.3.169>
- Osman, A., Lamis, D. A., Freedenthal, S., Gutierrez, P. M., & McNaughton-Cassill, M. (2014). The multidimensional scale of perceived social support: analyses of internal reliability, measurement invariance, and correlates across gender. *Journal of Personality Assessment*, 96(1), 103–112. <https://doi.org/10.1080/00223891.2013.838170>
- Pamungkas, E. A., Astuti, K., & Yuniasanti, R. (2022). Subjective well-being: Efforts to improve through gratitude training on millennial employees. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 36(1), 113–124.
- Rachim, R. L., & Nashori, H. F. (2007). Nilai budaya Jawa dan perilaku nakal remaja Jawa. *Indigenous, Jurnal Ilmiah Berkala Psikologi*, 09(1), 30–43.
- Rueger, S. Y., Malecki, C. K., & Demaray, M. K. (2008). Gender differences in the relationship between perceived social support and student adjustment during early adolescence. *School Psychology Quarterly*, 23(4), 496–514. <https://doi.org/10.1037/1045-3830.23.4.496>
- Savi Çakar, F., & Tagay, Ö. (2017). The mediating role of self-esteem: the effects of social support and subjective well-being on adolescents' risky behaviors. *Educational Sciences: Theory & Practice*, 17(3), 859–876. <https://doi.org/10.12738/estp.2017.3.0024>
- Shin, H. (2017). Friendship dynamics of adolescent aggression, prosocial behavior, and social status : The moderating role of gender. *Journal of Youth and Adolescence*, 46, 2305–2320. <https://doi.org/10.1007/s10964-017-0702-8>
- Siedlecki, K. L., Salthouse, T. A., Oishi, S., & Jeswani, S. (2014). The relationship between social support and subjective well-being across age. *Social Indicators Research*, 117(2), 561–576. <https://doi.org/10.1007/s11205-013-0361-4>
- Steinberg, L., & Morris, A. S. (2001). Adolescent development. *Annu. Rev. Psychol.*, 52, 83–110. <https://doi.org/10.1891/194589501787383444>
- Sulaiman, W. S. W., Kamaludin, M. R., Zamani, Z. A., Khairudin, R., & Halim, F. wati. (2020). Social support as a mediator in the relationship between job insecurity and psychological well-being among employees in public and private sectors. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 34(2), 195–205.
- Tian, L., Tian, Q., & Huebner, E. S. (2016). School-related social support

- and adolescents' school-related subjective well-being: The mediating role of basic psychological needs satisfaction at school. *Social Indicators Research*, 128(1), 105–129. <https://doi.org/10.1007/s11205-015-1021-7>
- Tian, L., Wang, D., & Huebner, E. S. (2014). Development and validation of the brief adolescents' subjective well-being in school scale (BASWBSS). *Social Indicators Research*, 120(2). <https://doi.org/10.1007/s11205-014-0603-0>
- Tian, L., Zhao, J., & Huebner, E. S. (2015). School-related social support and subjective well-being in school among adolescents: The role of self-system factors. *Journal of Adolescence*, 45, 138–148. <https://doi.org/10.1016/j.adolescence.2015.09.003>
- Tina, F. A., & Utami, M. S. (2018). Religiusitas dan kesejahteraan subjektif pada pasien jantung koroner. *Gadjah Mada Journal of Psychology (GamaJoP)*, 2(3), 162. <https://doi.org/10.22146/gamajop.36938>
- Tomás, J. M., Gutiérrez, M., Pastor, A. M., & Sancho, P. (2020). Perceived social support, school adaptation and adolescents' subjective well-being. *Child Indicators Research*, 13(5), 1597–1617. <https://doi.org/10.1007/s12187-020-09717-9>
- Uchida, Y., Kitayama, S., Mesquita, B., Reyes, J. A. S., & Morling, B. (2008). Is perceived emotional support beneficial? Well-being and health in independent and interdependent cultures. *Personality and Social Psychology Bulletin*, 34(6), 741–754. <https://doi.org/10.1177/0146167208315157>
- Van Campen, C., de Boer, A. H., & Iedema, J. (2013). Are informal caregivers less happy than noncaregivers? Happiness and the intensity of caregiving in combination with paid and voluntary work. *Scandinavian Journal of Caring Sciences*, 27(1), 44–50. <https://doi.org/10.1111/j.1471-6712.2012.00998.x>
- Weston, K. J., & Parkin, J. R. (2017). Resilience. In C. S. Clauss-Ehlers (Ed.), *Encyclopedia of cross-cultural school psychology* (Vol. 91, p. 808). New Jersey: Springer.